

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 NOVEMBER 2016

Jangan campuri urusan Dewan Rakyat – Irmohizam

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Pakatan pembangkang tidak sepatutnya menggunakan pihak luar termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mencampuri urusan Dewan Rakyat.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, tindakan itu dilihat cuba memperdayakan rakyat supaya mereka melihat seolah-olah Dewan Rakyat bersikap berat sebelah.

Menurut beliau, pakatan pembangkang lebih gemar memburuk-burukkan sistem yang digunakan Dewan Rakyat sedangkan mereka seharusnya mengete-



IRMOHIZAM

ngahkan isu-isu penting berkaitan rakyat.

“Mereka berpeluang menggunakan Peraturan Mesyuarat untuk mengusulkan perkara yang tidak dipersetujui dalam Dewan Rakyat.

“Pada hemat saya, pakatan pembangkang hanya ingin meraih simpati dengan cara memperkotak-katikkan pemikiran rakyat,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Irmohizam mengulas tentang tindakan Dr. Mahathir hadir ke Parlimen hari ini untuk menyertai sidang akhbar pakatan pembangkang bagi mempertikaikan keputusan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Um- 9/11/2016